

12/12/1997

Kofi Annan lawat Malaysia Ahad ini

WASHINGTON, Khamis - Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), Kofi Annan, akan menemui Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan pemimpin Asean lain apabila beliau melawat Kuala Lumpur, mulai Ahad ini.

Jurucakap PBB, Juan Carlos Brandt, ketika dihubungi di New York berkata lawatan Annan ke Kuala Lumpur penting kerana ia mencerminkan sumbangan penting Malaysia kepada PBB.

"Sumbangan Malaysia kepada PBB cukup penting dan perkara utama terlintas dalam fikiran saya ialah kelancaran sesi ke-51 Perhimpunan Agung PBB di bawah Tan Sri Razali Ismail, pemimpin yang sungguh cekap mengendalikan urusan Perhimpunan Agung.

"Semua bersetuju betapa Malaysia sudah memberi sumbangan penting kepada masyarakat antarabangsa melalui kepemimpinannya sebagai Presiden Perhimpunan Agung," katanya.

Malaysia juga menyertai misi pengaman di Bosnia-Herzegovina dan Somalia, di bawah panji-panji PBB serta berperanan aktif dalam program sosial dan ekonomi berkaitan PBB.

Rundingan Annan dengan Dr Mahathir mencakupi pelbagai isu antarabangsa, termasuk usaha melaksanakan pembaharuan dalam badan dunia itu, Majlis Keselamatan, Iraq, Bosnia, Afghanistan dan Angola.

Ketika ditanya sama ada Annan bersedia membincangkan gesaan Malaysia supaya dikaji semula piagam hak asasi manusia Bangsa-Bangsa Bersatu, Brandt berkata, piagam itu tidak perlu dikaji semula kerana selagi ia difahami oleh semua anggota, piagam itu mengandungi elemen sejagat yang diterima oleh semua. - Bernama

(END)